

Pengurusan Masa Menurut Perspektif Almarhum Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Kajian Terhadap Pentafsiran Surah al-'Asr

[*Time Management According to the Perspective of the Late Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: A Study of the Interpretation of Surah al-'Asr*]

Abdul Azib Hussain¹, Khairulnazrin Nasir², Rahim Kamarul Zaman³ & Hamidi Abdul Ghani⁴

¹ (Corresponding Author) Department of Syariah, Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kelantan, Malaysia, e-mail: azibhussain83@gmail.com

² Department of Usuluddin, Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kelantan, Malaysia, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com

³ Department of Usuluddin, Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kelantan, Malaysia, e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com

⁴ Department of Syariah, Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kelantan, Malaysia, e-mail: al_humaidi011@yahoo.com

ABSTRACT

Emphasising time management is crucial for anyone aspiring to be successful. Most of the influential and successful figures in his life have a good time management culture. Among them is the late Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. He was a former Menteri Besar, a scholar, politician, and preacher who was very influential in the archipelago. His name was also engraved in the book '50 Islamic Figures Influential in the World'. His busyness was not an excuse for him to educate the community through knowledge. During his lifetime, he frequently delivered his lectures every Friday morning. Among them, he talked about time management through the interpretation of Surah al-'Asr. His perspective on time management in the surah was an interesting secret to explore. Therefore, this study aims to discuss time management according to the perspective of the late Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz in regard to his interpretation of Surah al-'Asr. This study uses documentation and content analysis methods. The researchers obtained the research data from books written about him, previous research conducted on him, and video recordings of Tuan Guru's lectures and documentaries related to his life. The results of the study found that time management, according to the deceased's perspective, is based on the four criteria mentioned in Surah al-'Asr, namely: [a] The believer; [b] Do good deeds; [c] Message each other with truth, and; [d] Message each other with patience. This is the nature of successful people in this world and

in the hereafter. In addition, he also made the principles of mas'uliah, ubudiah and itqan a practice in administration to meet the success criteria. These four criteria and three general principles are suitable as ideas and guides for current and future generations of Muslims.

Keywords: Time Management, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mas'uliyyah, Ubudiyyah and Itqan.

ABSTRAK

Pengurusan masa merupakan antara perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam kehidupan seseorang yang ingin berjaya. Kebanyakan tokoh berpengaruh dan berjaya dalam hidup mempunyai budaya pengurusan masa yang baik. Antaranya ialah Almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau merupakan bekas Menteri Besar, seorang ulama, ahli politik dan pendakwah yang sangat berpengaruh di alam Nusantara. Namanya juga pernah terpahat di dalam buku ‘50 Tokoh Islam Berpengaruh di Dunia’. Kesibukannya tidak menjadi alasan untuk beliau mendidik masyarakat melalui ilmu. Beliau sentiasa menyampaikan kuliah pada setiap pagi Jumaat. Antaranya, beliau membicarakan tentang pengurusan masa dalam tafsir surah al-‘Asr. Bagaimana perspektif beliau mengenai pengurusan masa dalam surah tersebut adalah suatu rahsia yang menarik untuk diterokai. Oleh itu kajian ini bertujuan membincangkan pengurusan masa menurut perspektif Almarhum Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz mengenai pentafsirannya terhadap surah al-‘Asr. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi dan analisis kandungan. Data-data kajian diperolehi daripada buku-buku tulisan mengenai beliau, hasil penyelidikan yang pernah dilakukan ke atas beliau serta rakaman video kuliah Tuan Guru dan dokumentari berkaitan kehidupannya. Hasil kajian mendapati pengurusan masa menurut perspektif Almarhum adalah berdasarkan empat kriteria yang disebutkan dalam surah al-‘Asr iaitu: [a] Beriman; [b] Beramal soleh; [c] Berpesan-pesan dengan kebenaran, dan; [d] Berpesan-pesan dengan kesabaran. Inilah sifat orang yang berjaya di dunia dan di akhirat. Di samping itu, beliau juga menjadikan prinsip mas'uliah, ubudiah dan itqan sebagai amalan dalam pentadbiran bagi memenuhi kriteria kejayaan. Empat kriteria dan tiga prinsip umum ini sesuai dijadikan gagasan dan panduan buat generasi umat Islam zaman sekarang dan akan datang.

Kata kunci: Pengurusan Masa, Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Mas'uliyyah, Ubudiyyah* dan *Itqan*

How to Cite:

- Received : 19-07-2023 How to Cite: Abdul Azib Hussain, K. N., Rahim Kamarul Zaman, & Hamidi Abdul Ghani. (2023). Pengurusan Masa Menurut Perspektif Almarhum Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz: Kajian Terhadap Pentafsiran Surah al-‘Asr. RABBANICA
Accepted : 27-09-2023
Published : 28-11-2023

1. Pendahuluan

Masa adalah suatu perkara yang sangat signifikan dalam kehidupan seorang Muslim. Menurut al-Ghazali (2018), masa adalah umur dalam kehidupan dan ia adalah modal hidup di dunia. Ia merupakan suatu amanah yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT pada hari kiamat kelak. Sabda Nabi SAW:

لَا تَرْزُولُ قَدْمًا عَبْدٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّىٰ يُسْأَلَ عَنْ أَرْبَعٍ : عَنْ عُمْرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ
فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَأَهُ

Terjemahan: Tidak akan melangkah kaki anak Adam pada hari kiamat sehingga ditanyakan mengenai umurnya pada apa ia habiskan, mengenai ilmunya pada apa ia lakukan, mengenai hartanya dari mana ia diperolehi dan ke mana ia dibelanjakan dan mengenai tubuhnya pada apa ia dihabiskan.[*Sunan al-Tirmizi*, no. hadis: 612]

Bahkan dalam hadith yang lain, Nabi SAW juga bersabda:

أَغْتَنْتُمْ خَمْسًا قَلْ خَمْسٌ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَصِحَّاتَكَ قَبْلَ سَقَمَكَ وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرَكَ
وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلَكَ وَحَيَاكَ قَبْلَ مَوْتَكَ

Terjemahan: Rebutlah lima perkara sebelum tiba lima perkara yang lain iaitu: Masa mudamu sebelum tiba masa tuamu, sihatmu sebelum tiba sakitmu, kayamu sebelum tiba miskinmu, masa lapangmu sebelum tiba masa sibumu dan hidupmu sebelum tiba matimu.[*Sahih al-Targhib wa al-Tarhib*, no. hadis: 311. Dinilai sahih oleh al-Albani]

Oleh itu, masa mempunyai kaitan dengan kehidupan. Mengurus masa bermakna mengurus kehidupan untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Ia memerlukan kesungguhan dan disiplin diri (Amer Shakir Zainol, 2001). Nilai kualiti hidup seseorang amat berkait dengan kemahirannya menguruskan masa. Pengurusan masa yang baik akan mendatangkan manfaat yang besar kepada seseorang seperti memperolehi kejayaan dan kepuasan hidup serta kurang mengalami tekanan (Macan, S. Comila, R. Dipboye dan A. P. Philips, 1990).

Bagi seorang tokoh berpengaruh di alam Nusantara seperti Almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, pengurusan masa menurut perspektif beliau adalah kemampuan

seseorang untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Beliau telah menggariskan beberapa prinsip umum dan menjadikannya sebagai asas dalam kehidupan serta amalan pentadbiran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan pengurusan masa menurut perspektif Almarhum Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz mengenai pentafsirannya terhadap surah al-'Asr.

2. Sorotan Literatur

Menurut pandangan jumhur ulama, surah al-'Asr adalah termasuk daripada surah Makkiyyah. Dari sudut tertib penurunannya, ia merupakan surah ketiga belas selepas penurunan surah al-Insyirah dan sebelum surah al-'Adiyat. Ia hanya mengandungi tiga ayat (Al-Qari, 1993).

Surah ini dinamakan al-'Asr bersempena sumpah Allah SWT terhadap 'masa' yang terdapat pada permulaan surah. Walaupun surah ini pendek, namun ia mengandungi semua keterangan berkaitan asas-asas Islam yang utama serta garis panduan hidup untuk manusia (Al-Zuhaili, 2005).

Kajian mengenai pengurusan masa dan tafsir surah al-'Asr telah dilakukan oleh ramai pengkaji. Bagi kajian melibatkan pengurusan masa, ia boleh dirumuskan kepada dua pembahagian iaitu: (i) Kajian yang membincangkan perkaitan pengurusan masa dengan kejayaan, dan; (ii) Kajian yang membincangkan pengaplikasian pengurusan masa oleh orang yang berjaya.

Antara kajian yang menyentuh perkaitan pengurusan masa dengan kejayaan adalah seperti kajian Muhammad Harith Othman, Zolkepeli Harun dan Norasmah Othman (2020), Richelle V Adams dan Erik Blair (2019), Linnataqiyyah (2018), Azura Hamdan, Rohany Nasir, Rozainee Khairudin dan Wan Shahrazad Wan Sulaiman, (2015) dan Wan Ali, W. Z., Md. Yunus, A. S., Hamzah, R., Abu, R., Ahmad Tarmizi, R., Md. Nor, S., Abu Bakar, K., & Ismail, H. (2008). Kesemua kajian ini menyimpulkan bahawa pengurusan masa yang baik mempunyai perkaitan dengan kejayaan dalam sesuatu bidang.

Manakala kajian yang membincangkan pengaplikasian pengurusan masa oleh orang yang berjaya masih belum diterokai secara meluas. Sungguh pun begitu, terdapat kajian yang mempunyai hubungan rapat dengan aspek ini iaitu kajian Wan Ali Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al. (2020). Kajian ini mengetengahkan permasalahan guru yang mempunyai bebanan tugas yang banyak sehingga sering menghadapi kekangan masa untuk melakukan inovasi. Bagi menyelesaikan permasalahan ini, dua orang tokoh yang berjaya menerima anugerah

Guru Inovatif Kebangsaan telah diangkat sebagai sampel kajian. Hasil kajian ini merumuskan bahawa aplikasi pengurusan masa oleh orang yang berjaya adalah berdasarkan keutamaan.

Adapun kajian yang membincangkan tafsir surah al-'Asr telah dilakukan oleh ramai pengkaji. Antaranya adalah seperti tulisan Ahmad Muwafiq (2020) dan Wali Ramadhani (2018). Manakala kajian Parveen. S., Hafeez, M. R., & Shahbaz, M. (2020) pula adalah berkaitan bidang linguistik dalam surah al-'Asr. Beliau menumpukan aspek analisis gaya berdasarkan peringkat-peringkatnya yang tertentu dan implikasi tematik yang terkandung dalam surah tersebut. Hasil kajian beliau mendapati bahawa surah al-'Asr sangat kaya dengan simbolik dan ungkapan retorik meskipun ayatnya sangat pendek.

Seterusnya kajian yang membincangkan tafsir Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz juga telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji. Kajian mereka masing-masing menumpukan aspek-aspek yang berbeza. Antaranya adalah seperti kajian Ahmad Najib Abdullah dan Nor Hazrul Mohd Salleh (2021) yang membincangkan keunikan tafsir Almarhum. Mohd Ridwan Razali, Mustaffa Abdullah, Mohd Muhiden Abd Rahman, M. A. M. A. (2020) pula menyentuh aspek islah. Manakala kajian di peringkat Sarjana oleh Maisarah Mohamiddin (2017) pula mengutarakan metode pentafsiran Tuan Guru dalam surah-surah terpilih. Kuliah Almarhum Tuan Guru berkaitan surah al-'Asr juga telah dibukukan dan diterbitkan oleh Pertubuhan Alim Rabbani.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, penulis mendapati terdapat ruang yang boleh dikaji berkaitan tafsiran surah al-'Asr menurut perspektif Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Aspek yang belum diterokai dan berbeza dengan kajian terdahulu berkaitan surah ini adalah dari sudut pengurusan masa.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif. Data-data dikumpul dan diperolehi melalui kajian kepustakaan serta pencarian dalam internet. Sumber yang dirujuk adalah terdiri daripada buku-buku yang ditulis berkaitan beliau, dokumen dan kajian-kajian jurnal serta rakaman video mengenai beliau yang terdapat di laman youtube.com. Antara rakaman video yang dirujuk adalah seperti kuliah beliau mengenai Tafsir Surah al-'Asr yang dirakam pada 21 Februari 2003 di Dewan Zulkifli Muhammad, Kota Bharu. Di samping itu, penulis juga menjadikan video dokumentari 'Sehari dalam Kehidupan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat' sebagai sumber rujukan. Ia telah dirakam oleh Dinsman dan Nasir Jani pada hari Jumaat, 19 Oktober 2001. Kemudian kandungan data-data yang diperolehi ini

dianalisis menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif bagi memperolehi dapatan kajian.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perbahasan pada bahagian ini akan diperincikan kepada beberapa topik berdasarkan analisis kandungan yang diperolehi daripada data-data kajian. Ia dijelaskan seperti perbincangan di bawah tajuk-tajuk berikut:

4.1 Metodologi Pentafsiran Surah al-'Asr Almarhum Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz

Berdasarkan rujukan dalam rakaman video kuliah Tafsir Surah al-'Asr serta beberapa rakaman kuliah beliau yang lain, sudah menjadi kebiasaan bahawa Almarhum akan memulakan penyampaian kuliah dengan ucapan salam, *basmalah*, *tahmid* serta selawat. Kemudian beliau akan berdoa berserta terjemahannya. Sekurang-kurangnya terdapat empat doa yang sering beliau baca iaitu:

- (i) اللَّهُمَّ عَلَمْنَا مَا جَهَلْنَا وَذَكَرْنَا مَا نَسِيْنَا
- (ii) رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُّ عُدْدَةً مِنْ لَسَانِي يَقْهُوا قَوْلِي.
- (iii) يَا عَلِيِّمَ عَلَمْنَا مِنْ عِلْمِكَ مَا تَرْضَى بِهِ عَنَّا وَلَا تُؤَاخِذْنَا بِمَا تَعْلَمْهُ مِنَّا يَا حَلِيمَ خُلِقْنَا بِخُلُقِ الْحَلْمِ وَحَفَقْنَا بِحَقَائِقِ الْعِلْمِ
- (iv) سُبْحَانَكَ لَا إِلَهَ لَنَا إِلَّا مَا عَلِمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيُّمُ الْحَكِيمُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Kemudian, beliau membaca potongan ayat dalam surah al-'Asr dengan suara yang jelas dan sedikit demi sedikit supaya mudah diikuti oleh para hadirin. Apabila selesai, beliau menterjemahkan pula maksud ayat secara umum. Ini merupakan antara kaedah Almarhum mendidik rakyatnya supaya membaca dan memahami makna al-Quran.

Seterusnya beliau menerangkan pula kelebihan dan fadilat yang terdapat dalam surah al-'Asr untuk menarik tumpuan pendengar. Menurut beliau, surah al-'Asr menyamai seperempat al-Quran. Katanya, "... Ni para hadirin semua, ayat Wal 'Asr kita panggil, ayat yang pendek, hanya tiga keratan, tiga ayat kita panggil, ada tiga keratan, tetapi Nabi sebut, walaupun dia ni pendek (iaitu surah al-'Asr), tapi menyamai satu rubu' Quran, seperempat Quran."

"... Nabi kata kalu mu baca dia tiga kali, supo mu baca Quran sebuah."

Sebenarnya terdapat beberapa riwayat dan nukilan ulama yang membincangkan mengenai kelebihan surah al-'Asr. Antaranya adalah seperti *athar* yang diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Abi Madinah al-Darimi ('Abd Allah bin Husn) bahawa beliau berkata:

كَانَ الرَّجُلَانِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «إِذَا التَّقَيَا لَمْ يَقْرِئَا حَتَّى يَقْرَأَ أَحَدُهُمَا عَلَى الْآخَرِ؛ وَالْعَصْرُ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خَسْرٍ ثُمَّ يُسَلِّمُ أَحَدُهُمَا عَلَى الْآخَرِ»

Terjemahan: Adalah dua orang lelaki daripada sahabat Rasulullah SAW apabila bertemu, mereka tidak akan berpisah melainkan salah seorang daripada mereka akan membaca kepada sahabatnya itu surah al-'Asr sehingga habis. Kemudian keduanya akan saling bersalaman.[*Al-Mu'jam al-Awsat*, no. hadis 215]

Begini juga al-Shafi'i pernah berkata:

لَوْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ حُجَّةً عَلَى خَلْقِهِ إِلَّا هَذِهِ السُّورَةُ لَكَفَتُهُمْ

Terjemahan: Andai Allah tidak menurunkan suatu hujah kepada makhluknya melainkan hanya surah ini (iaitu al-'Asr) nescaya ia telah memadai bagi mereka. (Al-Shafi'i, 2006)

Metodologi pentafsiran Almarhum Tuan Guru dalam surah al-'Asr adalah sangat unik. Beliau sentiasa mengaitkan tafsirannya dengan dua elemen penting iaitu *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'y* (Ahmad Najib Abdullah dan Nor Hazrul Mohd Salleh, 2021).

Contohnya dalam menjelaskan fadilat surah al-'Asr, beliau mendatangkan hujahnya berupa dalil daripada hadith. Manakala dalam menjelaskan al-Quran sebagai panduan hidup, beliau mendatangkan bentuk analogi secara akal yang sangat mudah difahami di samping gaya bahasa dalam dialek Kelantan yang menarik.

Kata beliau,

“... Quran sendiri ni kertas kijo. Kalu kita nak buat projek ko, nak buat menego ko, pembangunan ko, loni ore buat kertas kijo. Supaya segala gerak geri kita tu betul sebagaimana yang ditulis atas kertas. Barulah projek kita buat walaupun sepuluh juta sekalipun, dia akan sempurna dengan baik, kerana orang wak kijo (kontraktor dan koli wak kijo ni) selaras dengan tukang pelan.

Begini jugak dunia ni. Satu lokasi yang Allah Taala beri, yang Allah Taala pero manusia supaya buat kijo. Pelan kijonya Allah Taala jong

buat. Jong buat kijo kontraktornya adalah manusia. Manusia kontraktor bagi tokey besar namanya Allah SWT.”

Beliau mengumpamakan al-Quran seperti kertas kerja atau pelan bagi sesuatu projek pembangunan. Manusia yang hidup di dunia ini adalah sebagai kontraktor yang mesti melaksanakan projek selaras dengan kehendak tukang pelan iaitu Allah SWT. Ini kerana Allah yang membuat pelan hidup manusia.

Di samping itu, beliau juga mendatangkan perumpamaan seperti orang Siam yang menyeberangi Sungai Golok ke sempadan negara Malaysia. Mereka mesti mengikut aturan di negara Malaysia dalam segenap aspek. Begitu juga manusia yang hidup di atas bumi Tuhan, mesti mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Pendekatan pentafsiran seperti ini menunjukkan bahawa pemikiran tafsir beliau adalah bebas iaitu tidak terikat dengan mana-mana karya tafsir. Namun diolah secara terpandu berdasarkan ilmu pengetahuan dan kefahaman beliau sendiri. Kupasan-kupasan beliau berkaitan ayat dalam surah al-‘Asr adalah sangat berpijak kepada realiti hidup pendengar. Beliau menerangkan empat sifat orang yang berjaya dalam surah ini serta mengaitkannya dengan pelbagai bidang ilmu dan kehidupan seperti ilmu sains, penyucian jiwa, isu-isu politik semasa, tarbiah dan dakwah.

4.3 Perspektif Pengurusan Masa Menurut Almarhum Tuan Guru dalam Tafsir Surah al-‘Asr

Pengurusan masa menurut perspektif Almarhum Tuan Guru boleh dipecahkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama berbentuk teori ilmu. Maksudnya perbincangan mengenai pengurusan masa dalam Tafsir Surah al-‘Asr dikupas oleh Almarhum berpandukan kepada empat sifat orang yang berjaya sebagai mana dinyatakan dalam surah tersebut. Manakala bahagian kedua adalah berbentuk praktikal. Maksudnya Almarhum Tuan Guru mengaplikasikan pengurusan masa yang optimum dalam kehidupan dan pentadbiran sesuai dengan prinsip untuk mencapai kejayaan. Bagi memperincikan topik ini, ia dipecahkan kepada dua sub topik seperti berikut:

i) Parameter Kejayaan dalam Pengurusan Masa


Almarhum mempunyai kefahaman terhadap parameter kejayaan dalam pengurusan masa secara holistik. Menurut beliau, parameter kejayaan manusia bukan bergantung kepada zat, namun bergantung kepada sifatnya. Zat bererti bentuk fizikal, contohnya seperti tubuh badan.

Manakala sifat pula adalah elemen yang menumpang di atas zat dan tidak boleh ada dengan sendiri. Contoh sifat adalah seperti putih, hitam, tinggi, rendah, gemuk, kurus, pandai, bodoh dan sebagainya. Semua sifat ini bergantung di atas fizikal sesuatu perkara.

Menurut beliau, kejayaan seseorang manusia tanpa mengira apa bangsa sekalipun adalah bergantung kepada empat sifat mereka miliki. Keempat-empat sifat tersebut ialah:

- (a) Beriman,
- (b) Beramal soleh,
- (c) Berpesan-pesan dengan kebenaran, dan;
- (d) Berpesan-pesan dengan kesabaran.

Rajah 1: Sifat Orang yang Berjaya dalam Pengurusan Masa



Sumber: Penyelidikan, 2023

Beriman bermaksud meyakini rukun iman yang enam iaitu beriman dengan Allah, para Malaikat, Rasul, kitab, hari kiamat dan qada' serta qadar. Ia boleh dirumuskan kepada dua bahagian iaitu: [a] Beriman kepada Allah dan; [b] Beriman kepada hari akhirat.

Manakala kefahaman mengenai konsep beramal menurut perspektif masyarakat Melayu perlu diperluaskan. Menurut beliau, masyarakat Melayu hanya memahami konsep beramal dalam bentuk ritual ibadat semata-mata seperti zikir, tahlil, solat malam dan membaca al-Quran. Sedekah dan ibadat haji juga tidak dianggap sebagai beramal. Sedangkan beramal menurut beliau adalah sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang. Contohnya seperti bercangkul, berniaga, tidur dan seumpamanya adalah dikira sebagai amal. Nilaian setiap amalan yang dilakukan hendaklah soleh iaitu dengan merujuk kepada panduan syariat Allah SWT. Penegasan beliau ini adalah berpandukan kepada Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةً إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْخَيْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِي اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Terjemahan: Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barang siapa menderhaka Allah dan Rasul-Nya maka sungguhlah dia telah sesat, dengan kesesatan yang nyata. (Al-Ahzab 33: 36)

Kebenaran (*al-haq*) pula adalah sebahagian daripada nama Allah SWT. Oleh itu berpesan-pesan dengan kebenaran hendaklah berpandukan kepada al-Quran dan hadis iaitu ajaran Islam. Berpesan-pesan kepada kesabaran pula adalah perkara yang sulit kerana berlawanan dengan hawa nafsu. Namun demi untuk memperoleh kejayaan, hendaklah segala halangan tersebut diharungi dengan penuh kesabaran. Oleh itu, orang yang berjaya dalam menguruskan masa adalah mereka yang terikat dengan empat sifat yang telah dibincangkan di atas.

Kejayaan dalam pengurusan masa juga berkait dengan kesudahan hidup bagi nyawa seseorang. Oleh kerana itu, sepanjang hayat kita perlu saling berpesan kepada kebenaran dan kesabaran supaya mencapai *husn al-khatimah*. Menurut beliau juga, orang yang bijak adalah mereka yang membuat kerja untuk kehidupan selepas mati. Beliau menyebut hadith Nabi SAW:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتَبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَّنَ
عَلَى اللَّهِ

Terjemahan: Orang yang cerdik (yang berakal) adalah orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian, sedangkan orang yang lemah (imannya) adalah orang yang jiwanya mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah SWT (bahawa Allah akan mengampuninya). [Sunan al-Tirmizi, no. hadis: 2459. Dililai *hasan* oleh al-Tirmizi]

Beliau berkata,
 “Kalu buat kijo untuk makan lo (sekarang), lepas mati belakang kiro, ni Nabi kata tidak cerdik [tapi] bodo (bodoh).”

ii) Praktikal Pengurusan Masa dalam Kehidupan dan Pentadbiran

Parameter pengurusan masa yang dibincangkan sebentar tadi telah diserap dalam kehidupan sehari-hari dan pentadbiran kerajaan oleh Almarhum Tuan Guru.

(a) Praktikal Pengurusan Masa dalam Kehidupan Sehari-hari

Berdasarkan sumber rakaman video dokumentari ‘Sehari dalam Kehidupan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat’, beliau berusaha untuk mengoptimumkan pengurusan masa dalam kehidupan sehari-hari berpandukan sifat orang yang berjaya.

Jadual waktu dalam kehidupan sehari-hari beliau adalah sangat padat walaupun pada hari cuti seperti hari Jumaat. Namun, beliau sentiasa memastikan pengurusan masanya berada dalam keadaan yang selari dengan panduan al-Quran dan sunnah.

Sebagai contoh, kita boleh melihat pengurusan masa Almarhum Tuan Guru dalam kehidupan sehari-hari seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Pengurusan Masa Almarhum Tuan Guru dalam Kehidupan Sehari-hari

Sehari dalam Kehidupan Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat
Jumaat, 19 Oktober 2001

Masa	Aktiviti	Sifat Orang yang Berjaya
4.00 – 6.00 pagi	Solat malam. Ke masjid sebagai imam untuk solat Subuh berjemaah	Beramal soleh
Selepas solat Subuh	Kuliah subuh dalam tempoh 20 hingga 30 minit. Kemudian disusuli dengan mentahnik bayi	Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran
9.30 – 10.30 pagi	Menyampaikan kuliah di Dewan Zulkifli Muhammad, Kota Bharu. (Sekarang dikenali sebagai Medan Ilmu)	Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran
11.00 pagi	Majlis khatam al-Quran di Masjid Mukim Chekok, Kota Bharu	Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran
12.53 tengah hari	Ke masjid Mukim Mentuan untuk solat Jumaat	Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran
Selepas solat	Pertemuan bersama para tetamu dan meneliti	Beramal soleh

Asar	dokumen kerajaan	
Selaps Selaps Maghrib	Kuliah Maghrib	Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran
Selepas Isyak	Ceramah umum politik dan penjelasan isu semasa	Berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran

Sumber: Penyelidikan, 2023

Berdasarkan Jadual 1 di atas, didapati bahawa semua pengurusan masa dalam kehidupan Almarhum Tuan Guru diisi dengan sifat-sifat orang yang berjaya seperti yang dihuraikan oleh beliau dalam surah al-'Asr. Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang ulama yang beramal dengan ilmunya.

(b) *Praktikal Pengurusan Masa dalam Pentadbiran Kerajaan*

Manakala dalam aspek pentadbiran kerajaan, beliau telah menggabungkan satu lagi prinsip khusus sebagai manual dalam perkhidmatan awam negeri ke arah mencapai sifat-sifat orang yang berjaya. Prinsip ini diringkaskan sebagai UMI iaitu *ubudiyah*, *mas'uliyyah* dan *itqan* (Kelantan, 2020; Rahim Kamarul Zaman, Mujiburrahman Muhammad Saleh, & Nur Shahidah Ab Hamid, 2022) dan ia terpakai dalam segenap sudut termasuk pengurusan masa.

Tiga nilai teras (*ubudiyah*, *mas'uliyyah* dan *itqan*) yang disebutkan ini adalah berpandukan kepada ayat 208 dalam surah al-Baqarah dan ayat 36 dalam surah al-Ahzab. Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا أَدْخُلُوْا فِي الْسَّلَمِ كَافَةً وَلَا تَنْتَعُوا خُطُوْتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَذَّابٌ مُّبِينٌ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu. (Al-Baqarah 2: 208)

Prinsip pertama: *Ubudiyah* bermaksud pengabdian kepada Allah SWT. Iaitu bekerja semata-mata kerana Allah dengan meletakkan setiap kerja yang dilakukan sebagai ibadah yang akan memperolehi ganjaran pahala di akhirat. Bekerja akan mencapai tahap ibadah apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak (UMI, 2020).


Prinsip kedua: *Mas'uliyyah* atau akauntabiliti iaitu memastikan setiap pekerja supaya sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan atau dibelanjakan kerana mereka akan diperiksa dan disoal bukan sekadar di dunia malah di hari pembalasan. (UMI 2020: 3).

Dan prinsip ketiga: *Itqan* iaitu memastikan supaya seseorang melaksanakan sesuatu amal atau kerja dengan cara yang bersungguh-sungguh, dalam bentuk yang sebaik-baiknya dan bukan main-main sehingga tercapai perkhidmatan dan pengurusan yang cemerlang (UMI 2020: 4).

Ketiga-tiga prinsip ini sentiasa disebut dan diterapkan oleh Almarhum Tuan Guru dalam slogan ‘Membangun Bersama Islam’ kepada semua penjawat awam kerajaan negeri secara khusus dan kepada seluruh rakyat Kelantan secara amnya. Para pegawai tertinggi negeri juga akan menyentuh perkara ini apabila bercakap mengenai pentadbiran negeri (Kelantan 2020: 4).

Berdasarkan perbincangan di bawah topik ini, dapat diringkaskan bahawa pengurusan masa menurut perspektif Almarhum Tuan Guru terhadap tafsir surah al-‘Asr boleh difahami sebagaimana rajah di bawah:

Rajah 2: Pengurusan Masa Menurut Perspektif Almarhum Tuan Guru Terhadap Tafsir Surah al-‘Asr



Sumber: Penyelidikan, 2023

Berdasarkan Rajah 2 di atas, pengurusan masa menurut perspektif Almarhum Tuan Guru adalah pengurusan masa yang bersepada, iaitu menggabungkan semua prinsip umum orang berjaya yang diceritakan dalam surah al-'Asr dan nilai teras UMI. Prinsip umum ini diguna pakai oleh beliau dalam kehidupan seharian dan pentadbiran.

5. Kesimpulan

Hasil kajian menyimpulkan bahawa pengurusan masa menurut perspektif Almarhum Tuan Guru adalah berdasarkan empat kriteria yang disebutkan dalam surah al'Asr dan tiga prinsip umum yang diringkaskan sebagai UMI. Kajian mendapati semua empat kriteria dan tiga prinsip umum tersebut adalah sangat sesuai dijadikan panduan hidup untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Ini kerana sumber utama rujukan Almarhum dalam mentafsirkan surah al-'Asr adalah berdasarkan nas-nas al-Quran, hadith Nabi SAW dan logik akal. Beliau sendiri adalah seorang yang sangat berpegang teguh dengan ajaran agama sehingga beliau berusaha untuk menterjemahkan kehidupan beragama dalam pentadbiran melalui konsep *ubudiyah*, *mas'uliyyah* dan *itqan*. Kajian lanjutan mengenai perspektif Almarhum Tuan Guru dalam bidang-bidang yang berkaitan masih boleh dilaksanakan, contohnya memfokuskan keberkesanan terhadap penghayatan pengurusan masa dalam bidang politik.

Rujukan

- Adams, R. V., & Blair, E. (2019). Impact of Time Management Behaviors on Undergraduate Engineering Students' Performance. *SAGE Open*, 9(1). <https://doi.org/10.1177/2158244018824506>
- Ahmad Najib Abdullah, N. H. M. S. (2021). AL-BASIRAH. *Al-Basirah*, 11(1), 33–46.
- Amer Shakir Zainol. (2001). *Membina Kendiri Unggul Berkarisma*. Kuala Lumpur, Pusat Ilmu Jelatek.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (2000). *Sahih al-Targhib wa al-Tarhib*. Riyadh, Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (2008). *Ayyuha al-Walad*. Ed. 4. (terj.). Kedah, Khazanah Banjariah.
- Al-Qari, 'Abd al-Aziz 'Abd al-Fattah. (1993). تفسير سورة العصر-عبد العزيز عبد الفتاح فارعی pdf.
- Al-Shafi'i, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas. (2006). *Tafsir al-Imam al-Shafi'i*. Ed. Dr. Ahmad bin Mustafa al-Farran. Arab Saudi, Dar al-Tadmiriyah.
- Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayub. (1415H). *Al-Mu'jam al-Awsat*. Kaherah, Dar al-Haramain.
- Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah bin Musa bin al-Dahhak. (1975). *Sunan al-Tirmizi*. Ed. 2. Kaherah, Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

- Al-Zuhaili, Wahbah. (2005). *Al-Tafsir al-Munir*. Ed. 8. Damsyik, Dar al-Fikr.
- Azura Hamdan, Rohany Nasir, Rozainee Khairudin dan Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2015). Perbezaan kecemerlangan pelajar dari perspektif pengurusan masa, keputusan akademik terdahulu dan jantina. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(1), 39–51.
- Kelantan, P. P. N. (2020). *Manual Pelaksanaan Prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan* (pp. 1–44).
- Linnataqiyah. (2018). Pengaruh Penyesuaian Diri dan Pengelolaan Waktu Terhadap Kesejahteraan Psikologis Santri Bait Tahfidz Al-Qur'an (BTQ) Pusat Ma'had Al-Jami'ah Uin Malang. *Skripsi*.
- Macan, S. Comila, R. Dipboye dan A. P. Philips. (1990). College Students' Time Managemnet: Correlations with Academic Performance and Stress. *Journal of Educational Psychlogy*. 82: 760-768.
- Mohamiddin, M. (2017). *Sarjana Agama (S.Ag)*, Fakultas Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau, Pekan Baru.
- Mohd Ridwan Razali, Mustaffa Abdullah, Mohd Muhiden Abd Rahman, M. A. M. A. (2020). *Aliran Islah Dalam Tafsir al-Qur'an: Analisis Terhadap Elemen Pemikiran Islah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (TGNA) dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH)*. 10(2), 17–36.
- Muhammad Harith Othman, Zolkepeli Harun dan Norasmah Othman. (2020). Hubungan tahap pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar on-the job training kolej vokasional. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1(SI)), 1–8.
- Muwafiq, A. (2020). *Konsep Sukses Dalam Perspektif Al-Qur'an Surah Al-'Asr Ayat 1-3 Diajukan kepada : Lembaga Penelitian dan Pengabdian Masyarakat (LP2M)*.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2020). *Tafsir al-Quran: Surah al-Fil, Surah al-Humazah, Surah al-'Asr, Surah al-Takathur*. Petaling Jaya, Pertubuhan Alim Rabbani.
- Parveen. S., Hafeez, M. R., & Shahbaz, M. (2020). Stylistic Analysis of the Surah Al-Asr and its Thematic Implication. *Al-Ilm*.
- Rahim Kamarul Zaman, Mujiburrahman Muhammad Saleh, & Nur Shahidah Ab Hamid. (2022). Penerapan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dalam Pembangunan Strategik di Institusi Pengajian Tinggi Islam Swasta: Satu Kajian Awal di KIAS: The Implementation of Rabbani Kelantan Education Policy in Strategic Development in Private Islamic Higher Education Institutions: A Preliminary Study at KIAS. RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge, 3(2), 1-16. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/245>
- Ramadhani, W. (2018). Bintu Syati' Dan Penafsirannya Terhadap Surah Al-'Asr Dalam Kitab At-Tafsir Al-Bayani Lil Qur'Anil Karim. *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alquran Dan Tafsir*, 3(2), 265. <https://doi.org/10.32505/tibyan.v3i2.717>
- UMI, P. J. P. & L. A. P. (2020). *Nilai Teras Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan* (pp. 1–8).
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2020). Pengurusan Masa Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Online Journal Of Islamic Education*, 8(2), 33–39. <https://ojie.um.edu.my/index.php/OJIE/article/view/27875/12569>
- Wan Ali, W. Z., Md. Yunus, A. S., Hamzah, R., Abu, R., Ahmad Tarmizi, R., Md. Nor, S., Abu Bakar, K., & Ismail, H. (2008). Kemahiran Pengurusan Masa Pelajar Universiti Tempatan: Status Dan Hubungannya Dengan Pencapaian. *Jurnal Teknologi*, 49(1), 49–64. <https://doi.org/10.11113/jt.v49.209>

- Youtube.com. (2020). <https://www.youtube.com/watch?v=Kny6ZCKPRKg>, diakses pada 30 Ogos 2020.
- _____. (2014). https://www.youtube.com/watch?v=4f8w6h_E0i0, diakses pada 30 Ogos 2021.